

Headline	Keluarga beri semangat pesakit kanser bangkit teruskan hidup		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	01 Sep 2016	Circulation	1,270,667
Section	Setempat	Readership	3,812,000
Page No	28	ArticleSize	211 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 8,280
Journalist	N/A	PR Value	RM 24,840
Frequency	Daily		



## Keluarga beri semangat pesakit kanser bangkit teruskan hidup

Meskipun pernah diuji menghidap kanser dan kini sudah dua tahun tidak mampu berjalan, ia bukan penghalang bagi suri rumah Rafidah Adnan, 60, meneruskan hasrat mengerjakan haji musim ini.

Sekitar lapan tahun lalu, Rafidah disahkan menghidap kanser dan walaupun ketika itu berasa kehidupannya seakan-akan gelap, dia tetap bangkit meneruskan kehidupan dengan dorongan serta semangat diberikan keluarga sehingga pulih sepenuhnya.

Bagaimanapun, sekali lagi ibu kepada tujuh anak itu diuji apabila dua tahun lalu dia tergelincir hingga terjatuh di bilik air menyebabkan kakinya tidak kuat untuk berjalan.

Rafidah mengakui, ujian menimpanya itu sebenarnya berat, tetapi dia sentiasa berfikiran positif supaya dia tidak kemurungan atau bertambah sakit.

“Sejak hari itu juga saya boleh dikatakan lumpuh bahagian kaki dan keupayaan untuk melakukan kerja rumah juga menjadi sukar dan terbatas.

“Selain berdoa kepada Allah SWT, keluarga adalah kekuatan dan menjadi tempat bergantung sepanjang kesihatannya terjejas,” katanya ketika

ditemui di Kompleks Tabung Haji.

Rafidah ke Tanah Suci bersama suami Mohamad Sulaiman, 69, dan anak Mahathir Mohamad, 39.

Menurutnya, dengan tahap kesihatan yang kurang baik, dia berasa sangat bertuah kerana terpilih ke Makkah pada musim haji ini dan akan memanfaatkan peluang itu dengan memperbanyakkan doa serta ibadat.

“Apabila umur sudah mencelah 60-an, sudah tiada perkara lain yang difikirkan kerana tanggungjawab membesar anak sudah berkurang.

“Kalau dulu, anak menjadi keutamaan dalam membuat sesuatu perkara atau keputusan, namun keadaan sedikit berubah selepas mereka semua sudah bekerjaya dan mampu berdikari.

“Jadi, saya dan suami boleh fokus kepada ibadat kerana perasaan bimbang meninggalkan mereka sudah berkurang,” katanya.

Rafidah berkata, persediaan untuk mengerjakan haji sudah lama dilakukan dan daripada segi kewangan hasil perlادangan akan disimpan sedikit demi sedikit selepas ditolak dengan semua perbelanjaan harian.